



## KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dan mempunyai Kod Bidang pendaftaran yang dibenarkan seperti berikut untuk menyertai tawaran ini:-

Ruj. Tender	Tajuk	Harga Dokumen	Kod Bidang	Taklimat Tender	Jenis Tender
SEDIA/SDC/ CONS/TD/01/23	Kajian Pelan Induk & Pelan Perniagaan Untuk Zon Ekonomi Bebas, Hab Logistik & Depot Penyimpanan Sejuk Di POIC Lahad Datu	RM100	<b>Berdaftar dengan</b>  Kementerian Kewangan:	Tarikh: 24 Mac 2023 (Jumaat)  Masa: 9.30 am	Terbuka
SEDIA/SDC/ CONS/TD/02/23	Kajian Pelan Induk & Perancangan Perniagaan POIC Sandakan, Sabah	RM100	340103 – Kajian Ekonomi	Tempat: Pejabat SEDIA, Tingkat 26, Menara Tun Mustapha Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah	

Tarikh Tutup Tawaran : 17 April 2023  
(Isnin – Jam 12:00 Tengahari)

Tempat Dokumen Tender diperolehi : Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah  
Tingkat 26, Menara Tun Mustapha  
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah, Teluk Likas  
88817 Kota Kinabalu, Sabah.

Taklimat Tender akan diadakan di Pejabat SEDIA, Bilik Mesyuarat Tingkat 26, Menara Tun Mustapha, Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah, Teluk Likas. Sila buat pengesahan kehadiran Taklimat Tender untuk pendaftaran selewat-lewatnya pada 23 Mac 2023 dengan menghubungi talian (Pn Felnah, 088 – 418999) atau email felnah@sedia.com.my. Dokumen Tender boleh diperiksa dan diperolehi secara pembelian fizikal atau secara atas talian mulai 27 Mac 2023 pada waktu pejabat. Bayaran dokumen tender adalah seperti berikut:

**1) PEMBELIAN SECARA FIZIKAL:**

Dalam bentuk **Cashier Order** atau **Bank Draft** yang ditulis atas nama "**SEDIA-Federal Fund Operation**"

**2) PEMBELIAN SECARA ATAS TALIAN:**

*Bank Transfer* ke nombor akaun SEDIA:-  
SEDIA-FEDERAL OPERATION FUND  
Nama Bank: Kuwait Finance House (M) Berhad  
No. Akaun: 009105000672

**Wang Tunai/Cek tidak diterima.** Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat-syarikat atau wakil-wakilnya yang **SAH** sahaja dengan membawa '**SURAT TAULIAH**' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat. **SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN** hendaklah dikemukakan dan sila sediakan salinan sijil-sijil yang disahkan semasa hendak mendapatkan dokumen tender. Syarikat boleh menghantar maksimum **DUA (2) ORANG** wakil sahaja untuk menghadiri Sesi Taklimat Tender dan seorang daripadanya hendaklah **penama dalam Sijil Kementerian Kewangan.**

Syarikat / Wakil yang hadir untuk mendapatkan dokumen tender adalah terhad kepada **SATU (1) ORANG** sahaja. Dokumen tawaran berserta Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke **Peti Tawaran Tender dan Sebut Harga Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah** dan dialamatkan kepada **SETIAUSAHA JAWATANKUASA PEMBUKAAN TENDER SEDIA, PODIUM MENARA TUN MUSTAPHA, YAYASAN SABAH HEADQUARTERS COMPLEX, LIKAS BAY, 88817 KOTA KINABALU, SABAH** pada atau sebelum jam **12:00 Tengahari** pada **17 April 2023 (Isnin).**